

**KEMPEN KESEDARAN KEPADA KANAK-KANAK
MELALUI BUKU ILUSTRASI: KEPUPUSAN HIDUPAN
LIAR**

**NUR IFFAH HANANI BINTI KHALID
C17A0228**

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021



**PROJEK PENYELIDIKAN TENTANG
KEMPEN KESEDARAN KEPADA KANAK-KANAK
MELALUI BUKU ILUSTRASI: KEPUPUSAN HIDUPAN
LIAR**

NUR IFFAH HANANI BINTI KHALID

C17A0228

Laporan Kajian ini disediakan bagi memenuhi keperluan untuk
Pengijazahan Untuk Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif

(Rekabentuk Komunikasi Visual)

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2021

DEKLARASI TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan asal dan belum diserahkan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi lain.

AKSES TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis saya akan dibuat dengan serta merta sebagai cetakan atau akses dalam talian (teks penuh)

EMBARGO Saya bersetuju bahawa tesis saya akan disediakan sebagai Salinan kertas atau dalam talian (teks penuh) untuk tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Siswazah Siswazah
Tarikh dari _____ sehingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi) *

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dilakukan) *

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut.

- I. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
- II. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan tujuan penyelidikan sahaja.
- III. Perpustakaan berhak membuat Salinan tesis untuk pertukaran akademik.

TANDATANGAN

TANDATANGAN PENYELIA

KAD PENGENALAN/ PASPORT

NAMA PENYELIA

Tarikh:

Tarikh:

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dan pihak UMK kerana telah memberikan saya peluang untuk mempelajari bidang rekabentuk komunikasi visual yang sangat berguna untuk masa depan saya yang akan datang. Sistem pengurusan yang baik dengan menyediakan prasarana dan keperluan bagi para pelajar juga dapat membantu para pelajar untuk lebih mudah menyiapkan projek penyelidikan mereka.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Izati Nabila Binti Marzuki iaitu penyelia saya kerana banyak membantu dan membimbing saya untuk menyiapkan projek penyelidikan saya. Tambahan pula, beliau juga banyak memberi tunjuk ajar kepada saya untuk menyiapkan projek penyelidikan saya dengan baik.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga, rakan-rakan dan pihak tertentu kerana banyak membantu saya dan memberi idea kepada saya untuk menjayakan projek penyelidikan saya. Oleh itu, setiap pandangan dan cadangan yang diberi oleh mereka amat membantu dalam menyempurnakan projek penyelidikan saya.

SENARAI KANDUNGAN

DEKLARASI TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI CARTA	vi
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	x
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2-3
1.3 Pernyataan Masalah	3-5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6-7
1.7 Skop Kajian	7- 8
1.8 Kaedah Kajian	8- 9
1.9 Had Kajian	10
1.10 Batasan Kajian	10
1.11 Kesimpulan	10
Bab 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Definisi Kajian	
2.2.1 Kempen Kesedaran	12
2.2.2 Hidupan Liar	12- 13
2.2.3 Ilustrasi	13

2.2.4 Kanak-kanak	13-14
2.2.5 Pemuliharaan & Pemeliharaan Haiwan Liar	14
2.2.6 Jenis Kempen Kesedaran	15
2.3 Sorotan Kajian	
2.3.1 Ilustrasi	16-17
2.3.2 Jenis-jenis ilustrasi	17-21
2.4 Perlaksanaan Kajian	
2.4.1 Pembukuan	21-22
2.5 Elemen-Elemen Penting Merekabentuk	
2.5.1 Tipografi	22- 23
2.5.2 Visual/ Imej	23- 24
2.5.3 Rekabentuk dan Letak	24
2.6 Kesimpulan	24
 BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	25
3.2 Kaedah Penyelidikan	26-27
3.2.1 Persampelan	27
3.2.2 Pemilihan Lokasi Kajian	27
3.2.3 Pemerhatian/ Tinjauan	27-28
3.2.4 Dokumentasi	28
3.2.5 Soal Selidik	28
3.2.6 Analisis Data	28-29
3.3 Prosedur Pengumpulan Data	29
3.4 Prosedur Analisis Data	29
3.5 Jenis Peserta	30
3.6 Instrumen	30
3.7 Kebolegunaan	30
3.8 Panduan Kaji Selidik	31
3.8.1 Kesesuaian Kajian	31
3.8.2 Kesesuaian Soalan Untuk Kajian	31
3.9 Kebolehpercayaan	31

3.10 Kaedah Penilaian	32
3.11 Kaedah Bernombor	32
3.12 Kaedah Grafik	32
3.12 Kesimpulan	32
BAB 4: ANALISIS DATA DAN PEMBANGUNAN PRODUK	
4.1 Pendahuluan	33
4.2 Analisis Data	33
4.2.1 Analisis Dapatan Kajian	34- 41
4.3 Analisis Data Keseluruhan	41
4.4 Pembangunan Produk	41- 42
4.4.1 Konsep Rekabentuk Produk	42- 45
4.4.2 Proses Suntingan/ Lakaran Sebenar Produk	46- 51
4.5 Produk Akhir	52
4.6 Kesimpulan	53
BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Cadangan Penyelidikan	54
5.2 Kesimpulan	55
RUJUKAN	56- 57
LAMPIRAN A	58- 63
LAMPIRAN B	64- 65
LAMPIRAN C	66 -72

SENARAI CARTA

	M/S
Carta 4.3: Pada pendapat anda, apakah ilustrasi yang sesuai untuk kanak-kanak bagi penghasilan buku ilustrasi?	36
Carta 4.4: Pada pendapat anda, warna yang bagaimanakah lebih menarik untuk dijadikan kulit buku?	37
Carta 4.5: Jenis tulisan manakah yang sesuai untuk kanak-kanak membaca dan memahami?	38
Carta 4.6: Adakah dengan penggunaan ilustrasi bergambar seperti dibawah dapat menarik minat kanak-kanak?	39
Carta 4.7: Pada pendapat anda, adakah melalui penghasilan buku ilustrasi mengenai kepupusan haiwan mampu untuk memberikan sedikit sebanyak kesedaran dan info, terutamanya dalam mendidik generasi muda?	40

SENARAI JADUAL

	M/S
Jadual 4.1: Demografi responden	34
Jadual 4.2: Pendapat umum mengenai pemahaman kepupusan hidupan liar	35
Jadual 4.3: Pada pendapat anda, apakah ilustrasi yang sesuai untuk Kanak-kanak bagi penghasilan buku ilustrasi?	36
Jadual 4.4: Pada pendapat anda, warna yang bagaimanakah lebih menarik untuk dijadikan kulit buku?	37
Jadual 4.5: Jenis tulisan manakah yang sesuai untuk kanak-kanak membaca dan memahami?	38
Jadual 4.6: Adakah dengan penggunaan ilustrasi bergambar seperti di bawah dapat menarik minat kanak-kanak?	39
Jadual 4.7: Pada pendapat anda, adakah melalui penghasilan buku ilustrasi mengenai kepupusan haiwan mampu untuk memberikan sedikit sebanyak kesedaran dan info, terutamanya dalam mendidik generasi muda?	40-41

SENARAI RAJAH

	M/S
Rajah 1.8: Proses Pergerakan Kajian	8
Rajah 2.1: Ilustrasi Upin dan Ipin	18
Rajah 2.2: Ilustrasi Boboiboy	18
Rajah 2.3: Ilustrasi Ejen Ali	19
Rajah 2.4: Contoh Ilustrasi Karikator	19
Rajah 2.5: Contoh Komik	20
Rajah 2.6: Ilustrasi Lagenda Mahsuri	20
Rajah 2.7: Contoh Vignette	21
Rajah 3.2: Proses analisis data	26
Rajah 4.4: Gambar rangka bagi haiwan liar dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.	42
Rajah 4.5: Mewarna ilustrasi haiwan liar dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.	43
Rajah 4.6: Gambar rangka bagi latar belakang halaman buku.	43
Rajah 4.7: Mewarna latar belakang halaman buku	44
Rajah 4.8: merekabentuk soalan mengenai haiwan liar	44
Rajah 4.9: merekabentuk muka hadapan dan belakang buku	45
Rajah 4.10: Muka hadapan dan belakang buku	46
Rajah 4.11: Halaman pertama buku	46
Rajah 4.12: Halaman kedua buku	47
Rajah 4.13: Halaman ketiga buku	47
Rajah 4.14: Halaman keempat buku	48
Rajah 4.15: Halaman kelima buku	48
Rajah 4.16: Halaman keenam buku	49
Rajah 4.17: Halaman ketujuh buku	49
Rajah 4.18: Halaman delapan buku	50
Rajah 4.19: Halaman kesembilan buku	50
Rajah 4.20: Halaman kesepuluh buku	51
Rajah 4.21: Halaman kesebelas buku	51

Rajah A.1: Soal Selidik m/s 1	58
Rajah A.2: Soal Selidik m/s 2	59
Rajah A.3: Soal Selidik m/s 3	60
Rajah A.4: Soal Selidik m/s 4	61
Rajah A.5: Soal Selidik m/s 5	62
Rajah A.6: Soal Selidik m/s 6	63
Rajah B.1: Carta Gantt 1	64
Rajah B.2: Carta Gantt 2	65
Rajah C.1: Hasil Soal Selidik m/s 1	66
Rajah C.2: Hasil Soal Selidik m/s 2	67
Rajah C.3: Hasil Soal Selidik m/s 3	68
Rajah C.4: Hasil Soal Selidik m/s 4	69
Rajah C.5: Hasil Soal Selidik m/s 5	70
Rajah C.6: Hasil Soal Selidik m/s 6	71
Rajah C.7: Hasil Soal Selidik m/s 7	72
Rajah C.8: Hasil Soal Selidik m/s 8	72

**KAJIAN KES: KEMPEN KESEDARAN KEPADA KANAK-KANAK MELALUI
BUKU ILUSTRASI: KEPUPUSAN HIDUPAN LIAR**

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian tentang penghasilan sebuah buku ilustrasi mengenai kepupusan hidupan liar di Malaysia. Projek penyelidikan buku ilustrasi ini dikaji berdasarkan 3 objektif iaitu mengenalpasti tahap pemahaman dan pengetahuan kanak-kanak terhadap hidupan liar. Seterusnya, memberikan kesedaran kepada kanak-kanak mengenai kepupusan hidupan liar. Objektif yang akhir adalah menghasilkan buku ilustrasi yang menarik mudah difahami mengenai kepupusan hidupan liar bagi menyampaikan kesedaran kepada kanak-kanak melalui visual. Selain daripada itu, dalam laporan ini juga mengandungi bab-bab seperti pengenalan kajian, kajian literature, metodologi, dan kesimpulan keseluruhan projek penyelidikan ini.

Kata kunci: Kempen Kesedaran, Buku Ilustrasi, Kepupusan, Hidupan Liar

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

This research project is a study on the production of an illustrated book on wildlife extinction in Malaysia. This illustration book research project is studied based on 3 objectives, which is to identify the level of understanding and knowledge of children on wildlife. The next objective are given awareness to children about the extinction of wildlife. After that, objective is to produce an interesting, can easily understand about illustrated book on wildlife extinction to convey awareness to children through visuals. In addition, in this report also contains chapters such as introduction of the study, literature review, methodology, and overall conclusion of this research project.

Keywords: Awareness Campaigns, Illustration Books, Extinction, Wildlife

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Secara umumnya Kempen Kesedaran Awam merupakan program atau aktiviti penerangan yang dilakukan untuk memberi pengetahuan. Pemahaman dan penghayatan khusus terhadap sesuatu perkara, bagi meningkatkan tahap kesedaran awam. Ini juga dapat melihat tahap kesedaran awam dari peringkat pengetahuan pemahaman dan penghayatan, serta amalan sesuatu budaya yang diterapkan melalui kempen kesedaran awam terhadap sesuatu perkara. Menerusi Kamus Pelajar Edisi Kedua telah mengatakan kempen adalah tindakan atau usaha yang dirancang untuk mempengaruhi pendapat umum supaya menyokong atau menentang sesuatu dasar.

Selain itu, Ilustrasi bermaksud gambar atau lukisan untuk menerangkan atau menghiasi sesuatu dalam buku, majalah dan sebagainya. Ianya juga menerangkan sesuatu maklumat dengan memberikan ilustrasi (Kamus Dewan Edisi Keempat). Ilustrasi juga merupakan bentuk visual dari teks atau ungkapan isi menggambarkan sebuah cerita yang secara tidak langsung menerangkan karakter dan keseluruhan isi cerita. Selain itu, ilustrasi juga berfungsi untuk menarik pembaca terutamanya kanak-kanak untuk membaca cerita yang disampaikan.

1.2 LATAR BELAKANG

Ramai yang tidak sedar bahawa Malaysia kini diancam masalah kepupusan serius pelbagai jenis hidupan liar. Menurut akta pemuliharaan hidupan liar (Akta 716) dalam undang-undang Malaysia, 2010 menyatakan hidupan liar bererti mana-mana spesies haiwan liar atau burung liar, sama ada yang dilindungi sepenuhnya atau yang dilindungi, vertebrata atau invertebrata, hidup atau mati, matang atau tidak matang dan sama ada boleh dijinakkan atau dibiakkan dalam kurungan atau tidak. Di Malaysia, banyak spesies unik memandangkan hutan di Malaysia beriklimkan khatulistiwa dan mempunyai hutan yang tebal serta laut yang tidak terlalu dalam. Seperti kita tahu, terdapat beberapa kategori haiwan seperti mamalia, reptilia, hidupan laut dan juga beruang. Terdapat beberapa spesies binatang liar yang kini dikatakan sudah pupus dan tidak lagi ditemui di habitat asalnya di hutan simpan kekal mahu pun Taman Negara di Malaysia termasuk banteng, badak jawa, burung merak hijau, burung upeh, gajah pygmy borneo dan kucing batu. Selain itu, binatang liar seperti gajah, badak sumatra, tapir, harimau Malaya, kancil, napuh, orang utan, rusa samba, beruang matahari, kambing gurun, seladang, burung kuang, black screw atau tikus hitam pula kini di ambang kepupusan dan sukar ditemui di habitat semula jadi di hutan.

Berdasarkan statistik oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (perhilitan), 2018 mengatakan kematian hidupan liar dari tahun ke tahun menunjukkan peningkatan iaitu 7,451(2017) berbanding 6,767(2016) dan 6,258(2015) dengan Selangor, Johor dan Perak mencatatkan kematian hidupan liar tertinggi iaitu 1,745, 1,616(2016) dan 792 (2015). Menurut Ketua Pengarah Perhilitan Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, antara spesies haiwan yang didapati amat terancam adalah tenggiling, harimau Malaya, badak Sumatera dan banteng. “Selain empat spesies ini, Perhilitan turut memberi fokus

terhadap gajah, rusa sambar, kambing gurundan botak upeh,” katanya. Beliau berkata, berdasarkan maklumat dikumpul, bilangan gajah yang tinggal kini adalah 1,000 hingga 1,100 ekor di Semenanjung Malaysia, seladang (150 hingga 200 ekor), harimau belang (kurang 200 ekor), tapir (700 hingga 800 ekor), rusa sambar (350 hingga 400 ekor), kambing gurun (200 hingga 500 ekor) dan burung botak upeh (20 hingga 30 ekor).

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Semakin hari, Malaysia dikejutkan dengan masalah peningkatan kepupusan hidupan liar yang menjadi semakin meruncing bagi memelihara khazanah negara ini. Kepupusan hidupan liar di Malaysia bukan asing lagi kepada kita. Tahap kesedaran yang tinggi dan positif terhadap alam sekitar mengenai kepupusan hidupan liar merupakan elemen yang sangat penting melahirkan masyarakat yang lebih prihatin terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar. Lebih-lebih lagi, kita perlulah berikan kesedaran yang tinggi kepada kanak-kanak yang masih tidak tahu mengenai hidupan liar yang telah pupus atau akan pupus kelak. Bak kata pepatah “Melentur buluh biarlah dari rebungunya” yang bermaksud mengajar atau mendidik anak-anak biarlah ketika usianya masih kecil kerana senang menerima teguran.

Disini kita dapat lihat, ibubapa kurang mendedahkan tentang kepupusan hidupan liar di Malaysia. Iubapa merupakan peranan yang besar dalam melahirkan masyarakat yang harmonis, berilmu seterusnya melahirkan warga yang cemerlang dalam mencapai wawasan yang seimbang antara kemajuan dan pembangunan modal insan. Iubapa juga mempunyai masa yang lebih dengan anak-anak apabila di rumah. Adanya teknologi terkini, membuatkan ibubapa kurang prihatin terhadap perkembangan anak-anak lebih-lebih lagi mengenai kepupusan hidupan liar. Anak-anak tidak akan tahu mengenai kepupusan hidupan liar kalau ibubapa atau keluarga terdekat memberikan maklumat.

Ibubapa tidak mendorong anak-anak untuk menyertai aktiviti-aktiviti mengenai hidupan liar yang dianjurkan oleh pihak tertentu. Ini menjadi masalah kepada kesedaran mengenai kepupusan hidupan liar dalam kalangan kanak-kanak.

Di samping itu juga, pembelajaran dan pengajaran di sekolah mengenai hidupan liar kurang memberi pendedahan tentang kepupusan hidupan liar di Malaysia. Walaupun pelbagai program Pendidikan Alam Sekitar baik secara formal atau tidak formal telah dilaksanakan di sekolah, namun keberkesanannya masih lagi belum mencapai matlamatnya. Di Malaysia, pendidikan alam sekitar di sekolah sering diketepikan yang mana sukatan pelajaran semasa di sekolah didapati hanya mempunyai beberapa unsur pendidikan alam sekitar yang diselitkan bersama dengan beberapa subjek dan kelab-kelab pencinta alam di sekolah. Noor Azmi (2003) pula melaporkan, tahap pengetahuan kalangan guru berkenaan alam sekitar adalah pada tahap sederhana. Pada masa yang sama Abdul Aziz (2003), mendapati tidak ada kesignifikan korelasi antara kefahaman konseptual alam sekitar pelajar dengan kemahuan untuk menjaga alam sekitar. Manakala kajian oleh Ponniah (1996), Teoh (1996), Nur Akhmal (2004) dan Mageswary et al. (2006) menunjukkan tahap pengetahuan mengenai Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih dan guru terlatih adalah pada tahap minima. Menurut beliau, para guru tidak mengintegrasikan Pendidikan Alam Sekitar semasa pengajaran di bilik darjah memandangkan tahap pengetahuan adalah pada tahap minima sedangkan menurut Sumiani (2003) komitmen guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah amat penting dalam pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar merentas kurikulum di sekolah-sekolah.

Kebanyakan medium penyampaian kempen kesedaran kepada kanak-kanak tidak mencapai visual yang menarik dan memberikan kefahaman kanak-kanak. Ini menjadi salah satu masalah untuk kanak-kanak tertarik untuk mengetahui mengenai kepupusan hidupan liar. Element visual dapat diserap dengan cepat dan membolehkan kita

berkomunikasi lebih cekap dan berkesan serta memberi kesan kepada emosi. Menurut Frank 1999, seni visual sebagai suatu bentuk komunikasi yang menyampaikan pelbagai maksud yang bertolak daripada pemikiran, perasaan, dan pengamatan. Sebagai contoh, kajian menunjukkan bahawa pendedahan kepada warna merah boleh meningkatkan denyutan nadi dan kadar pernafasan. Menurut Parkinson (2007), element visual diproses 60.000 kali lebih cepat daripada teks, grafik dengan cepat memberi kesan kepada emosi kita, dan emosi memberi kesan kepada kita dalam membuat keputusan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mencadangkan buku ilustrasi dalam bentuk penceritaan yang lebih santai dan menyeronokkan, di samping menarik minat kanak-kanak untuk memhaminya. Maka kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa objektif kajian. Antara objektif yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:

1. Mengenalpasti tahap pemahaman dan pengetahuan kanak-kanak terhadap hidupan liar.
2. Memberikan kesedaran kepada kanak-kanak mengenai kepupusan hidupan liar.
3. Menghasilkan buku ilustrasi yang menarik dan mudah difahami mengenai kepupusan hidupan liar bagi menyampaikan kesedaran kepada kanak-kanak melalui visual.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian awal yang pengkaji lakukan dalam kajian ini, terdapat beberapa persoalan yang dikemukakan iaitu:

- a) Sejauhmanakah pemahaman dan pengetahuan kanak-kanak terhadap hidupan liar?
- b) Apakah dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak mengenai kepupusan hidupan liar?
- c) Adakah penghasilan buku ilustrasi yang menarik dan mudah difahami mampu menyampaikan kesedaran dalam kalangan kanak-kanak melalui visual?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat beberapa kepentingan kajian ini dilakukan mengenai kewujudan hidupan liar ini yang jika musnah boleh memberi kesan, antaranya menyebabkan ekosistem tidak seimbang. Menurut jamahari mokhtar dan chia chu Hang dalam BH Online, 5 mac 2020 mengatakan Perdagangan dan perburuan hidupan liar bukan sahaja merosakkan ekosistem, bahkan berpotensi membawa penyakit termasuk yang baru ditemui, tetapi mampu mengancam manusia. Walaupun kewujudan hidupan liar amat penting untuk mengekalkan ekosistem, ianya menghadapi kepupusan sangat serius akibat kegiatan pemburuan haram. Ini mewujudkan sumber ancaman baharu kepada manusia kerana haiwan mempunyai penyakit tersendiri yang dibawa virus dan bakteria. Biasanya, ianya tidak berbahaya, tetapi jika menjangkiti manusia, kemungkinan besar ia akan menjadi terlalu sukar ditangani.

Generasi akan datang juga tidak dapat melihat spesies-spesies yang wujud sekiranya spesies-spesies ini pupus. Mereka hanya dapat melihat spesies-spesies ini dalam buku sahaja. Pembelajaran seharusnya menjadi lebih menyeronokkan apabila pelajar-

pelajar sekolah dapat mengenali haiwan-haiwan yang dilindungi dengan lebih dekat lagi seperti mengadakan lawatan ke zoo dan tempat-tempat pemuliharaan.

Malaysia adalah salah sebuah negara yang mengamalkan konsep pelancongan berasaskan hidupan liar sebagai tarikan pengunjung khususnya pelancong asing. Namun, kini mungkin tidak ramai yang sedar bahawa hidupan liar di Malaysia semakin terancam dek kerana sikap manusia sendiri. Malaysia adalah sebuah negara yang bertuah kerana memiliki pelbagai spesies yang tidak dapat ditemui di negara lain. Kepupusan hidupan liar akan menyebabkan sesuatu spesies tidak lagi wujud atau ditemui di tempat lain. Selain itu, kepelbagaian haiwan dan tumbuhan adalah merupakan daya tarikan utama pelancong asing ke negara ini. Ekonomi pelancongan negara akan menjadi semakin merosot seiring dengan kepupusan hidupan liar.

Selain itu juga, kanak-kanak tidak memperolehi pendidikan atau kuliah secara formal dari sekolah tetapi daripada media massa dan sumber lain yang tidak formal yang mungkin tidak menarik perhatian untuk mengetahui mengenai kepupusan hidupan liar.

1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk membantu meningkatkan pemahaman dan pengetahuan pembaca dalam kalangan kanak-kanak terhadap kesedaran kepupusan hidupan liar di Malaysia sekaligus mampu mempengaruhi mereka untuk memupuk semangat mencintai khazanah negara.

Responden terdiri daripada masyarakat yang terdiri daripada masyarakat yang berbeza dari segi jantina, umur, pekerjaan dan penempatan. Antara lokasi kaji selidik dilakukan adalah persekitaran dan masyarakat di Kota Tinggi, Johor.

Skop kajian dibuat supaya memudahkan pengambilan dan pengumpulan data dalam proses mendapatkan jumlah dapatan dengan cepat dan baik. Responden diberikan visual yang berbeza iaitu satu dalam bentuk ilustrasi yang biasa dan selebihnya adalah bentuk ilustrasi yang sering dilihat di beberapa cerita kartun dan mereka akan membuat pilihan yang mana lebih menarik untuk dipelajari.

Pengumpulan data melalui kaedah lain turut dilakukan seperti pengumpulan data melalui borang kaji selidik melalui atas talian kepada masyarakat yang terdiri daripada kanak-kanak. Soal selidik ini juga hanya melibatkan 60 orang sahaja.

1.8 KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyediakan satu proses pergerakan kajian ini secara teratur seperti di dalam rajah berikut.



Rajah 1.8: Proses Pergerakan Kajian

Dalam Rajah di atas pengkaji telah menyatakan bahawa kaedah kajian yang pertama adalah mengenal pasti isu yang ingin dikaji. Setelah isu dipilih oleh pengkaji

adalah Kempen Kesedaran kepupusan hidupan liar dalam kalangan kanak-kanak melalui buku ilustrasi sekitar Kota Tinggi.

Kaedah kedua pula ialah pengkaji telah memilih untuk menyatakan permasalahan bahawa kurangnya kesedaran mengenai kepupusan hidupan liar dalam kalangan kanak-kanak. Objektif kajian seperti yang dinyatakan oleh pengkaji adalah sesuatu objektif yang ingin dicapai dalam kajian yang dikaji.

Seterusnya, kaedah yang digunakan adalah persoalan kajian. Pengkaji telah menyatakan setiap persoalan yang ada dalam kajian yang dijalankan. Pada peringkat ini juga, pengkaji telah melakukan tinjauan literatur iaitu mengenal pasti beberapa kajian lepas oleh pengkaji sebelumnya untuk dijadikan sumber rujukan dalam memperolehi data dan maklumat. Peringkat keenam, pengkaji akan merangka bentuk kajian dari segi pengkaji mencuba memperolehi data dan maklumat sama ada melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji memilih untuk menjalankan borang soal selidik mahupun sesi soal jawab melalui media dan telekomunikasi.

Dalam kaedah ini, pengkaji akan melampirkan sampel kajian yang akan digunakan oleh pengkaji melalui beberapa medium yang dinyatakan diatas. Setelah sampel itu didapati maka proses analisis data dari beberapa responden yang telah ditetapkan oleh pengkaji akan dilakukan.

Seterusnya setelah semua maklumat dan data yang telah lengkap seperti butiran yang diperlukan dan diperolehi maka pengkaji akan mula mengunpulkan semua data tersebut dalam satu bentuk laporan kajian yang lengkap.

1.9 HAD KAJIAN

Kajian ini dijalankan atas responden yang terdiri daripada masyarakat di Kota Tinggi. Kajian ini diletakkan had kepada masyarakat kerana kanak-kanak adalah pewaris generasi ilmu untuk generasi yang akan datang. Teknik pengecilan skop digunakan pakai untuk memudahkan proses pengumpulan data kuantitatif dari responden yang telah dipilih.

1.10 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas sebagai cadangan pengkaji ingin menggunakan kaedah kualitatif seperti tembuwal kepada ibu bapa atau kanak-kanak disebabkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dijalankan bagi memerangi wabak penyakit covid-19. Dari segi masa juga akan terbatas disebabkan pandemik covid 19. Hasil kajian ini juga tidak boleh memberi penyelesaian kepada semua pihak.

1.11 KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah suatu medium utama yang sangat penting dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman pembaca iaitu kanak-kanak melalui buku ilustrasi berdasarkan maklumat mengenai kepupusan hidupan liar dalam satu kaedah yang mudah difahami dan bersesuaian dengan konsep untuk menarik perhatian kanak-kanak. Di samping itu, kaedah ini akan melahirkan masyarakat yang lebih kreatif dalam menyampaikan maklumat menggunakan ilustrasi sebagai medium utama supaya ianya lebih menarik untuk dibaca dan difahami untuk setiap maklumat yang tersirat dan tersurat.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan teknik dalam membentuk buku ilustrasi dalam kaedah penyampaian maklumat. Dengan menggunakan kaedah tersebut, pengkaji ingin menyampaikan maklumat mengenai kepupusan hidupan liar melalui ilustrasi. Kemudian maklumat dan informasi ini boleh didapati melalui buku secara lengkap. Di dalam kajian literatur ini pengkaji akan menyatakan kaedah dan teknik ilustrasi secara mendalam.

Pepatah melayu ada mengatakan “melentur buluh biar dari rebungnya”. Maka dengan itu, pengkaji memilih golongan kanak-kanak sebagai responden utama dalam kajian ini. Tujuannya adalah untuk menjadikan golongan ini lebih mengetahui dan memahami mengenai kepupusan hidupan liar serta minat membaca sesuatu santai serta bermanfaat dalam membentuk kanak-kanak masa kini supaya tidak mudah melupakan khazanah negara.

2.2 DEFINISI KAJIAN

2.2.1 Kempen Kesedaran

Secara umumnya Kempen Kesedaran Awam merupakan program atau aktiviti penerangan yang dilakukan untuk memberi pengetahuan. Pemahaman dan penghayatan khusus terhadap sesuatu perkara, bagi meningkatkan tahap kesedaran awam. Ini juga dapat melihat tahap kesedaran awam dari peringkat pengetahuan pemahaman dan penghayatan, serta amalan sesuatu budaya yang diterapkan melalui kempen kesedaran awam terhadap sesuatu perkara. Menerusi Kamus Pelajar Edisi Kedua telah mengatakan kempen adalah tindakan atau usaha yang dirancang untuk mempengaruhi pendapat umum supaya menyokong atau menentang sesuatu dasar. Pada 3 mac adalah Sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia (*World Wildlife Day*) sebagai salah satu cara untuk menghargai dan menghormati flora dan fauna liar ini memberikan kesedaran dimana setiap hidupan mempunyai peranan dan kepentingan kepada manusia dan alam ini untuk kekal terpelihara.

2.2.2 Hidupan Liar

Di dalam buku teks Geografi Tingkatan 3 telah mendefinisikan hidupan liar merupakan spesies haiwan liar atau burung liar, sama ada yang dilindungi sepenuhnya atau yang dilindungi, vertebrata atau invertebrate, hidup atau mati, matang atau tidak matang dan sama ada boleh dijinakkan atau dibiakkan dalam kurungan atau tidak. Menurut laman National Geographic menyatakan spesies terancam adalah sejenis organisma yang terancam kepupusan. Spesies terancam ini disebabkan dua sebab utama iaitu kehilangan habitat dan kehilangan variasi genetik. Aktiviti manusia boleh menyebabkan kehilangan habitat. Pembangunan yang dilakukan untuk perumahan, industri, dan pertanian mengurangkan habitat organisma asli. Ini boleh berlaku dalam pelbagai caranya. Pembangunan dapat menghilangkan habitat dan spesies asli secara langsung. Selain itu,

aktiviti manusia juga boleh menyebabkan kehilangan variasi genetik. Memburu dan menangkap haiwan liar secara berlebihan telah mengurangkan populasi banyak haiwan.

2.2.3 Ilustrasi

Ilustrasi bermaksud gambar atau lukisan untuk menerangkan atau menghiasi sesuatu dalam buku, majalah dan sebagainya. Ianya juga menerangkan sesuatu maklumat dengan memberikan ilustrasi (Kamus Dewan Edisi Keempat). Ilustrasi juga merupakan bentuk visual dari teks atau ungkapan isi menggambarkan sebuah cerita yang secara tidak langsung menerangkan karakter dan keseluruhan isi cerita. Selain itu, ilustrasi juga berfungsi untuk menarik pembaca terutamanya kanak-kanak untuk membaca cerita yang disampaikan.

Menurut Fleishman (2004) ilustrasi adalah sesuatu penjelasan melalui proses seni dalam bentuk lukisan, gambar foto mahupun gambar rajah. Dalam menghasilkan sebuah buku, ilustrasi merangkumi bidang yang lebih meluas meliputi segala jenis lakaran, graf, gambar rajah, gambar foto, pelan, peta, segala rajah berbentuk teknikal dan lain-lain.

2.2.4 Kanak-kanak

Termaktub dalam konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-kanak, 2001 telah mengatakan kanak-kanak merupakan seseorang yang berumur di bawah umur 18 tahun. Manakala, menurut Kamus Bahasa Melayu telah mendefinisikan kanak-kanak sebagai anak yang masih kecil yang berumur sehingga tujuh tahun. Kanak-kanak adalah sebahagian daripada masyarakat yang amat penting yang menjadi asset negara dan penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan.

Menurut Laporan Statistik Kanak-Kanak Malaysia 2020 telah menyatakan golongan kanak-kanak merangkumi 28.3 peratus daripada 32.7 penduduk Malaysia dengan 4.77 juta adalah kanak-kanak lelaki sementara 4.47 juta pula merupakan kanak-kanak perempuan.

Menurut laman portal rasmi *MyHealth* Kementerian Kesihatan Malaysia di dalam bahagian “Gaya Pemikiran Kanak-Kanak” menyatakan bahawa kanak-kanak merupakan anugerah istimewa tuhan kepada ibu bapa.

2.2.5 Pemuliharaan dan Pemeliharaan Haiwan Liar

Menerusi kajian lepas oleh Hasnan Bin Yusop, 21 Jun 2020 mengatakan PERHILITAN sebagai pihak berkuasa yang diamanahkan oleh kerajaan untuk melaksanakan agenda konservasi hidupan liar telah pun mempunyai pelbagai manual pengurusan hidupan liar, seperti “Manual Pengurusan Konflik Manusia-Harimau” dan “Manual Pengurusan Konflik Manusia-Gajah (PERHILITAN, 2006). Di samping itu PERHILITAN juga telah membuat pelbagai kajian bagi tujuan pengurusan konservasi, ini dapat dilihat di dalam laporan berkala yang telah diterbitkan seperti siri penerbitan berjudul PERHILITAN itu sendiri, sama ada di peringkat Persekutuan atau pun negeri (PERHILITAN Johor, 2017).

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli iaitu Dr Xavier Jayakumar berkata pihaknya melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) sentiasa memastikan usaha pemuliharaan hidupan liar dijalankan secara berterusan di samping mengharapkan sokongan daripada semua pihak. Penubuhan Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) di sungkai merupakan salah satu usaha kearah pemuliharaan hidupan liar oleh perhilitan. Pusat ini berfungsi berasaskan konsep 3R iaitu Rescue (Menyelemat), Rehabilitate (Rehabilitasi) dan Release (Perlepasan). (Bernama, 20 Ogos 2018)

2.2.6 Jenis Kempen Kesedaran Hidupan Liar

Ketua Pengarah Perhilitan iaitu Abdul Kadir Abu Hashim pada 3 Mac 2017 telah mengatakan bahawa Hari Hidupan Liar Sedunia atau World Wildlife Day disambut pada 3 Mac setiap tahun bagi tujuan meraikan dan memupuk kesedaran tentang hidupan liar di dunia ini. Tema sambutan World Wildlife Day pada tahun ini ialah “Listen to the young voices”. Tema ini mencerminkan keperluan mendorong orang muda sebagai pemimpin masa depan untuk memainkan peranan yang aktif dalam melindungi hidupan liar yang semakin terancam pada peringkat tempatan dan juga antarabangsa. Perubahan di peringkat masyarakat biasanya bermula dengan orang muda dan merekalah yang dapat membawa kesan yang positif terhadap isu-isu konservasi. Kita mendapati masa ini terdapat trend sedunia yang membimbangkan di mana sikap orang muda yang kurang prihatin terhadap tanggungjawab konservasi hidupan liar dan biodiversiti. Contohnya, di Malaysia kita melihat bahawa golongan muda terlibat di dalam penjualan haram hidupan liar melalui media sosial dan pemilikan hidupan liar yang terancam sebagai hobi. Alangkah baiknya jika orang muda dapat mengubah cara pemikiran lama supaya sifat menyayangi hidupan liar dicerminkan dalam kesungguhan untuk melindunginya di habitat asalnya tanpa keperluan menjaganya sendiri, mengurung, menjinakkan atau membiakkan hidupan liar.

2.3 SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.3.1 Ilustrasi

Ilustrasi adalah proses objek dalam bentuk visual yang menerangkan sesuatu perkara. Ilustrasi juga merupakan bentuk visual dari teks atau ungkapan isi menggambarkan sebuah cerita yang secara tidak langsung menerangkan karakter dan keseluruhan isi cerita.

Menurut Kamus Dewan Bahasa Melayu, ilustrasi bermaksud suatu kaedah penyampaian informasi berbentuk gambar, rajah, diagram, dan sebagainya. Adanya penggunaan ilustrasi ini adalah untuk memudahkan kaedah penyampaian maklumat supaya audiens dapat memahami dengan mudah.

Walau bagaimanapun, (kusmiyati, 1999:46) berpendapat bahawa ilustrasi gambar adalah gambaran singkat satu perjalanan cerita daripada satu penceritaan yang menggunakan lebih daripada satu imej untuk menjelaskan salah satu adegan. Oleh itu, ilustrasi berperanan untuk menarik pembaca terutamanya kanak-kanak untuk membaca cerita yang disampaikan.

Selain itu, gambar ilustrasi adalah gambar atau bentuk visual lain yang disertai suatu teks atau tujuan utama bahawa ilustrasi adalah bahan bantuan untuk memperjelaskan naskah atau tulisan dimana ilustrasi itu dikumpulkan (Encyclopedia Americana, 1990, No; 14:787). Ini dapat dijelaskan bahawa gambar ilustrasi adalah gambar yang bercerita yang memiliki tema sesuai dengan tema isi cerita tersebut.

Menurut kajian Seth Spaulding (Saudjana 2001: 12), beliau menyimpulkan bahawa dalam proses belajar, kaedah yang paling menarik untuk proses belajar adalah melalui gambar-gambar. Beliau berpendapat bahawa golongan kanak-kanak lebih gemar melihat buku yang dipenuhi dengan elemen-elemen visual. Pada peringkat pelajar juga menyatakan

elemen visual ini dapat menarik fokus untuk memahami dan mengingat sesuatu teks yang ingin disampaikan.

2.3.2 Jenis-Jenis Ilustrasi

a) **Kartun**

Secara umumnya, kartun ini adalah merupakan lukisan yang menceritakan perkara sehari-sehari secara berjenaka untuk menyampaikan sesebuah isi penceritaan. Di Malaysia sendiri terdapat syarikat media yang menjadikan platform ilustrasi ini untuk menghasilkan sebuah cerita seperti kartun “upin dan ipin”, “boboiboy” dan “ejen ali” dan banyak lagi. Kartun ini dijadikan alat penghibur kepada masyarakat dan tidak mengira pelbagai lapisan masyarakat, bangsa dan agama di Malaysia.

Ini tidak dinafikan lagi, filem upin dan ipin keris siaman tunggal merupakan filem pecah panggung pada tahun 2019 dengan kutipan pawagam melebihi Rm26 Juta. Filem ini juga ditayangkan di pawagam luar negara seperti Singapura, Brunei, Vietnam, Indonesia, Filipina dan Amerika Syarikat. Penghasilan file mini melalui lakaran dan lukisan manual di atas mengikut karakter watak-watak yang diinginkan mengikut jalan cerita tersebut. Kemudian ianya akan dilakarkan semula di atas media teknologi untuk menghasilkan pergerakan, bunyi dan kesan-kesan khas bagi menjadikan ianya lebih menarik.

MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 2.1: Ilustrasi Upin dan Ipin



Rajah 2.2: Ilustrasi Boboiboy

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 2.3: Ilustrasi Ejen Ali

b) **Karikatur**


Gambar karikatur menunjukkan berbagai-bagai karakter yang dilebih-lebihkan, unik, lucu dan kadang ianya mengandungi kritikan dan sindiran. Kebiasaannya objek dari gambar karikatur diambil dari tokoh manusia ataupun haiwan. Ilustrasi karikatur ini lebih bebas untuk manusia meluahkan ras dalam bentuk gambar bagi menyatakan sesuatu. Teknik ini tidak meluas di Malaysia melainkan sekadar paparan di dalam media facebook dan keratin akhbar.



Rajah 2.4: Contoh Ilustrasi Karikatur

c) **Komik**


Komik adalah sejenis seni visual yang menggabungkan lukisan dan tulisan untuk menyampaikan cerita. Selain itu, ia juga didefinisikan sebagai cerita bergambar. Komik ini sering dilihat dalam bentuk buku dan berdialog.



Rajah 2.5: Contoh Komik

d) **Ilustrasi Karya Sastra**


Karya sastra adalah pantun, syair, cerpen, novel, sajak dan lebih menarik bila membacanya disertai dengan gambar ilustrasi. Fungsi gambar ini menjelaskan untuk menyampaikan maklumat dan menegaskan isi yang ingin disampaikan.



Rajah 2.6: Ilustrasi Legenda Mahsuri

e) **Vignette**

Vignette ialah gambar ilustrasi yang berbentuk dekoratif yang berfungsi mengisi ruang pada kertas narasi. Selain itu, sebagai pengisi dari sebuah cerita ataupun narasi biasanya di letakkan dengan gambar ilustrasi berupa vignette.



Rajah 2.7: Contoh Vignette

2.4 PERLAKSANAAN KAJIAN

2.4.1 Pembukuan

Menurut kajian yang dilakukan oleh Zainiah Mohamed Isa (2019) telah memfokuskan kepada buku cerita bergambar kerana ramai penulis mendapati buku jenis ini amat sesuai bagi pembacaan kanak-kanak. Antaranya Sulzby (1985) mencadangkan penggunaan gambar dan teks bagi membina makna kepada kanak-kanak dalam proses mereka melangkah kepada membaca yang sebenarnya. Menurut Tucker (1988), dalam buku bergambar, panjang cerita sepatutnya tidak melebihi 2000 patah perkataan bagi tujuan memelihara daya penumpuan kanak-kanak terhadap cerita tersebut. Antara ciri-ciri buku bergambar yang baik menurut beliau ialah gambar yang terdapat di dalam cerita mampu memberikan maklumat tentang teks yang dibaca.

Pembelajaran ialah proses belajar untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan menjalani latihan. (Noresah Baharom, 2002). Menurut pandangan ahli kognitif, pembelajaran boleh

ditakrifkan sebagai satu proses dalaman yang menghasilkan perubahan tingkahlaku yang agak kekal. Manakala aliran behavioris pula berpendapat bahawa pembelajaran ialah perubahan dalam tingkahlaku, iaitu cara seseorang bertindak dalam suatu situasi. Dalam psikologi humanis pembelajaran dianggap proses yang dapat membantu seseorang mencapai sempurna sendiri dan nilai individu (Zarina Abd Malek, 2004).

Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Intan Zanariah Gaisun (2014) telah menjalankan kajian untuk menganalisis ekspresi emosi kanak-kanak yang dikesan melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak yang mengaplikasikan Teori Emosi ArnoldEllis dan Cannon-Bard (1934). Dalam kajian ini didapati bahawa kanak-kanak memerlukan bahan bacaan yang dapat merangsang emosi dan perasaan agar pertumbuhan dan perkembangan emosi mereka seiring dan seimbang dengan perkembangan jasmani, rohani, intelektual dan sosial. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa melalui Teori Emosi Arnold-Ellis dan Cannon-Bard (1934) kepentingan terhadap penilaian serta interpretasi sesuatu peristiwa daripada rangsangan menyebabkan sesuatu emosi. Kejadian atau peristiwa dalam cerita tersebut dapat memberi kesan emosi kepada kanak-kanak seperti gembira, seronok, teruja, bersemangat, bosan, takut atau bersahaja.

2.5 ELEMEN-ELEMEN PENTING MEREKABENTUK

2.5.1 Tipografi

Tipografi adalah merupakan salah satu seni atau kemahiran dalam perekaan komunikasi melalui huruf cetak. Tipografi asalnya bermula dengan rekaan dalam penulisan. Sekiranya imej visual adalah medium penyampaian maklumat, manakala tulisan hanya sampingan maka ianya tidak perlu terlalu menonjol sehingga ianya mengganggu penglihatan dan fokus pembaca. Dalam kajian ini, elemen tipografi adalah sampingan kerana yang utama

adalah teknik lukisan ilustrasi dalam menyusun jalan cerita dan menghidupkan cerita agar maklumatnya dapat diterima dengan baik oleh pembaca.

2.5.2 Visual/ Imej

Visual dan imej adalah menggunakan teknik menggambar jalan cerita yang sedia ada untuk memberikan impak dan keberkesanan yang lebih kepada pembaca. Selain itu, teknik ini juga mampu merangsang minda kanak – kanak untuk lebih mudah mengingat sesuatu ilmu pengetahuan yang penting dalam tempoh yang lebih singkat.

Dalam konteks ini, ilustrasi watak dalam buku kanak-kanak dihasilkan dalam pelbagai gaya misalnya realistik, kartun atau bergaya tertentu mengikut kesesuaian. Walau dalam gaya apa sekali pun, yang penting ialah sejauh mana keyakinan dapat diberi kepada mereka tentang watak tersebut. Dalam hal ini, konsistensi dalam ilustrasi watak adalah salah satu faktor penting. Ilustrasi juga boleh mewujudkan dunia visual yang dimasuki dan dilawati kanak-kanak. Melaluinya mereka diharap dapat menyaksikan kisah yang diceritakan (Md. Sidin Ahmad Ishak, 2008).

Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Intan Zahariah Gaisun, (2014) dalam kajiannya telah membuktikan bahawa emosi kanak-kanak cepat terangsang dengan bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi yang besar, menarik dan juga berwarna-warni. Sebagaimana menurut Molina S. Nijhar dalam Othman Puteh dan Abdul Ahmad (1993) bahawa kanak-kanak gemar kepada halaman-halaman yang berwarna-warni dan penggunaan gambar yang baik. Ekspresi emosi yang ditampilkan kanak-kanak adalah melalui rangsangan bahan bacaan sastera terpilih, kemudian maklumat rangsangan dihantar ke bahagian otak.

Kaedah ini juga bertujuan untuk mengelakkan pembaca khususnya golongan kanak-kanak hilang fokus dan minat untuk terus belajar. Kerana itu dapat dilihat setiap buku rujukan

pembelajaran kini sehinggalah di peringkat tertinggi sekalipun menggunakan teknik visual dan imej bagi membantu merangsang minda agar lebih fokus dan dapat mengingat setiap input penting dalam tempoh yang singkat.

2.5.3 Rekabentuk Dan Letak

Rekabentuk dan letak adalah antara elemen penting yang perlu diutamakan dalam skop penghasilan. Ini merujuk kepada aspek penggunaan warna, petak, garis, saiz tulisan, tanda pengenalan dalam sesuatu iklan cetak dan sebagainya.

Proses reka letak halaman yang dahulunya dibuat secara manual serta mengambil banyak masa, kini semua boleh dibuat di skrin computer. Teknologi rekabentuk dan reka letak di skrin ini di panggil sebagai Desk Top Publishing (DTP). Teknologi DTP boleh mengintegrasikan pelbagai softwarereka letak halaman seperti InDesign dan sebagainya bagi melakukan proses susun atur huruf di skrin. Bagi mengedit gambar dan bahan grafik perisian. Illustrator dan Photo Shop digunakan bagi mewarna serta mengedit gambar.

2.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pengkaji mendapati sepanjang menjalankan kajian dan tinjauan lepas ini adalah memberi sedikit sebanyak kepada pengkaji maklumat, idea dan inspirasi dalam aspek tentang skop kajian yang dipilih. Rekabentuk ilustrasi kartun adalah ilustrasi yang sesuai untuk diaplikasikan di dalam kajian ini kerana ianya adalah fokus terhadap kanak-kanak. Kaedah penyampaian maklumat yang lebih menarik akan lebih merangsang minda golongan kanak-kanak untuk tidak lupa kan khazanah yang terdapat di Malaysia.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN


3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian didefinisikan sebagai prosedur yang sistematik menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data sealiran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi kajian penyelidikan dapat dijalankan dengan baik dan sempurna. Menurut Hornby (1985) metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Metodologi sebenarnya berasal daripada perkataan Yunani iaitu *methodos* yang merupakan cara atau jalan dan *logos* yang bermaksud ilmu (Othman Mohamed). Manakala, Sabitah Marican (2009) dan Ahmad Munawar Ismail mengatakan metodologi ialah kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ke atas subjek kajian mengikut etika disiplin yang teratur.

Di dalam bab 3 ini pengkaji akan menerangkan kaedah yang akan digunakan semasa menjalankan kajian yang meliputi beberapa proses pengumpulan maklumat dan data kajian bagi mencapai objektif yang telah dibincangkan di dalam bab 1. Data-data yang akan diperolehi kemudian diolah dan diubah kepada bentuk maklumat yang teratur dan mudah difahami oleh pengkaji. Bab ini juga akan menjelaskan metodologi penyelidikan yang digunakan pengkaji sepanjang kajian ini dilakukan.

3.2 KAEDAH PENYELIDIKAN

Dalam proses dapatan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah penyelidikan agar proses dapatan kajian ini tepat berdasarkan sumber kajian yang dipilih melalui kaedah berikut:



Rajah 3.2: Proses Analisis Data

Kajian ini merupakan kajian menggunakan kaedah kuantitatif. Rekabentuk kajian dipilih atas dasar kesesuaian dan menepati skop kajian penyelidikan yang dilakukan bagi menjalankan kaedah alternatif yang boleh digunakan bagi menaiktaraf kaedah penyampaian maklumat kepada kanak-kanak di Kota Tinggi, Johor sekaligus membolehkan pengkaji untuk memahami secara mendalam tentang kajian yang di jalankan berdasarkan maklumat yang dikumpulkan.

3.2.1 Persampelan

Persampelan merupakan proses, kaedah atau tatacara memilih sampel secara rawak. Persampelan bermaksud pemilihan kumpulan yang akan di jadikan bahan sumber utama untuk dapatan maklumat untuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil masyarakat yang berada di Kota Tinggi sebagai responden.

3.2.2 Pemilihan Lokasi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih lokasi Kota Tinggi sebagai lokasi kaji selidik. Kawasan kajian ini dipilih adalah kerana menilai kesesuaian dan keberkesanan kesedaran mengenai kepupusan hidupan liar yang sedia ada atau selepas kajian yang dijalankan. Tinjauan pengkaji ke lokasi kajian di jalankan adalah merupakan satu bentuk pengutipan data yang telah di rancang bagi tujuan meramal, membuat pemerhatian dan menganalisis hubungan antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian.

3.2.3 Pemerhatian/ Tinjauan

Pengkaji turut melakukan pemerhatian secara keseluruhan terhadap permasalahan kajian yang dijalankan berdasarkan isu-isu semasa. Tahap kesedaran mengenai alam sekitar di

negara dalam kalangan kanak-kanak yang sangat membimbangkan. Tinjauan dilakukan secara rawak di kawasan sekitar Kota Tinggi.

3.2.4 Dokumentasi

Kaedah dokumentasi dijalankan bagi memenuhi bahan kajian seperti maklumat daripada pembacaan jurnal, artikel, buku, internet serta keratan akhbar yang berkaitan dengan kajian supaya dapat membantu kajian mencapai objektif dan sasaran. Bahan-bahan dan maklumat daripada dokumentasi ini adalah bertujuan sebagai salah satu kaedah mendapatkan sumber inspirasi atau idea yang berkait rapat dalam membantu meningkatkan keberkesanan. Kaedah ini juga sangat membantu pengkaji dalam memastikan dapatakn kajian ini dapat menyokong keseluruhan kajian

3.2.5 Soal Selidik

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian rentas dimana borang soal selidik akan diedarkan pada satu tempoh tertentu terhadap kumpulan atau audiens yang berbeza. Melalui proses ini pengkaji akan mengenalpasti tahap pemahaman dan pengetahuan dalam kalangan kanak-kanak mengenai hidupan liar dengan menyediakan beberapa soalan kaji selidik dengan menggunakan perkhidmatan tinjauan dalam talian iaitu *Google Form*. Perkhidmatan tinjauan dalam talian adalah kaedah yang semakin popular untuk membuat, menyebarkan dan menganalisis soal selidik kuantitatif. Hal ini adalah bertujuan bagi mendapatkan kumpulan responden dan jawapan yang lebih meluas.

3.2.6 Analisis Data

Setelah mendapatkan maklumat yang dikumpulkan melalui kaedah kuantitatif, data akan dianalisis dengan relevan dan sistematik. Pengkaji akan menggunakan perisian *Statistic*

Package for the Social Science (SPSS). Proses ini akan tertumpu kepada dua bahagian; iaitu untuk memberikan kesedaran kepada kanak-kanak mengenai kepupusan hidupan liar dan menghasilkan buku ilustrasi yang menarik dan mudah difahami bagi menyampaikan kepada kanak-kanak melalui visual yang telah dibuat melalui kaedah soal selidik yang telah dijalankan. Proses penganalisan data ini akan menggunakan *Statistic Package for the Social Science (SPSS)* mendapatkan keputusan kaji selidik yang telah dijalankan dengan lebih mudah dan tepat (Arkkelin, 2014).

3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan iaitu merupakan salah satu kaedah yang akan menghuraikan kuantitatif atau numerik mengenai trend, sikap, atau pendapat populasi dengan mengkaji sampel populasi tersebut. Ini merangkumi kajian rentas dan longitudinal menggunakan soal selidik atau wawancara terstruktur untuk pengumpulan data dengan tujuan untuk membuat generalisasi dari sampel kepada populasi (Fowler, 2008).

3.4 PROSEDUR ANALISIS DATA

Setiap data yang telah dikumpulkan akan dianalisis mengikut pembahagian tersebut.

1. Jumlah responden mengikut kumpulan
2. Peratusan yang boleh memahami dan pengetahuan mengenai hidupan liar
3. Peratusan bersetuju untuk konsep ilustrasi hidupan liar digunakan
4. Keberkesanan buku ilustrasi dalam pemahaman kanak-kanak.

3.5 JENIS PESERTA

Dalam konteks ini, pengkaji membuat pecahan kepada beberapa kumpulan peserta kajian. Antaranya adalah golongan masyarakat umum dan orang awam terutamanya pelajar melalui kaedah online aplikasi Google Form.

3.6 INSTRUMENTASI

Hasil dapatan kajian melalui borang soal selidik, pengkaji akan menetapkan beberapa soalan umum dan khusus.

Soalan umum:

1. Jantina
2. Umur
3. Pekerjaan ibu bapa
4. Penempatan

Soalan khusus:

1. Kebolehan mengenali hidupan liar
2. Kefahaman mengenai kepupusan hidupan liar melalui ilustrasi

3.7 KEBOLEHGUNAAN

Melalui kajian selidik di atas hasil dapatan kajian boleh dijadikan sumber rujukan yang utama untuk dapatkan kajian yang tepat. Selain itu, berdasarkan responden diatas, pengkaji boleh mengetahui beberapa isu:

- i. Peratusan kumpulan tertentu boleh mengenali hidupan liar yang telah pupus dan akan pupus.
- ii. Keberkesanan ilustrasi dalam meningkatkan pemahaman masyarakat.
- iii. Peningkatan kesedaran kanak-kanak mengenai kepupusan hidupan liar.

3.8 PANDUAN KAJI SELIDIK

Bagi menghasilkan soalan di dalam borang kaji selidik, pengkaji akan mengikuti beberapa panduan yang telah disediakan seperti berikut:

a) Kesesuaian Kajian

kajian mesti sesuai dengan kumpulan responden yang hendak diambil. Borang soal selidik ini yang dirangka dan dijawab oleh responden serta mampu menjawab persoalan kajian. Pastikan penggunaan soal selidik mampu dijawab dan dapat menjawab persoalan yang ingin dikaji.

b) Kesesuaian Soalan Untuk Kajian

Soalan yang dikemukakan dalam soal selidik perlu dibuat pilihan supaya soalan-soalan yang dinyatakan adalah sesuai dan memenuhi kehendak kajian berkenaan. Secara tidak langsung, ini membantu pengkaji untuk mencapai objektif kajian ini.

Pengkaji perlu memikirkan terlebih dahulu kegunaan, cara pengukuran dan sumbangan soalan-soalan berkenaan bagi mencapai objektif kajian. Bagi memastikan kegunaan soalan berkenaan, penyelidik perlu memikirkan bagaimana jawapan-jawapan tersebut akan dianalisis dengan kaedah gambarajah, jadual dan graf.

3.9 KEBOLEH PERCAYAAN

Setiap borang soal selidik yang diagihkan akan dipertanggungjawab oleh pengkaji untuk memastikan setiap butiran yang diisikan oleh responden adalah benar. Pengkaji juga bertanggungjawab bagi menentukan siapa yang boleh dan tidak untuk dijadikan sampel responden pada kajian ini.

Namun melalui kaedah borang soal selidik di atas talian online, pengkaji perlu memastikan borang yang telah di kongsi oleh pengguna media sosial di isi dengan benar dan baik.

3.10 KAEDAH PENILAIAN

Kaedah penilaian ini akan dilakukan dalam bentuk rajah dan graf bagi menampakkan kadar peratusan dengan jelas dan keputusan yang tepat. Setiap responden yang menjawab borang soal selidik akan diselaraskan jawapan mengikut jenis soalan untuk mengetahui jumlah peratusan bagi setiap satu soalan.

3.11 KAEDAH BERNOMBOR

Sebagai contoh, kaedah bernombor adalah setiap seorang responden yang bersetuju dengan pernyataan yang terdapat di dalam kajian soal selidik menyumbang angka 1 dalam graf peratusan dan begitu juga sebaliknya. Di akhir kajian, pengkaji akan dapat lihat peratusan yang menjawab dengan jelas untuk setiap yang mewakili soalan kajian tersebut.

3.12 KAEDAH GRAFIK

Dalam kajian ini, pengkaji tidak menggunakan skala grafik dalam memperolehi jawapan responden kerana skala yang banyak akan menyukarkan peratusan dibuat dan merumitkan pada prosedur data dan analisis.

3.13 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian soal selidik yang telah dirangka, pengkaji akan dapat mengetahui jumlah peratusan dan keberkesanan kaedah ini dalam mencapai objektif kajian. Pengkaji juga dapat meneliti persamaan dalam kajian ini diantara kajian pengkaji dan hasil penyelidikan kajian sebelum ini. Kaedah ini juga bai mendapatkan respon kefahaman golongan kanak-kanak terhadap kesedaran kepupusan hidupan liar di Malaysia. Dapatan kajian ini juga kan membantu pengkaji dalam mendapatkan idea untuk menghasilkan produk akhir mengikut kriteria terbaik untuk mencapai objektif kajian yang dinyatakan.

BAB 4

ANALISIS DATA DAN PEMBANGUNAN PRODUK

4.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang analisis data berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan borang soal selidik. Borang soal selidik tersebut telah pun diedarkan oleh pengkaji bertujuan untuk proses analisis data. Pemilihan soalan berdasarkan perbincangan masalah terhadap kajian ini dan membantu untuk menyokong kajian yang dilakukan ini. Disamping itu, perbincangan mengenai pembangunan produk juga akan dinyatakan secara terperinci didalam bab ini mengikut turutan proses yang dilakukan bermula dengan proses analisis, mencari bahan rujukan, konsep visual dan rekabentuk produk akhir. Data akhir yang diperolehi akan membantu pengkaji untuk proses pembangunan produk buku ilustrasi mengenai pemahaman kepupusan haiwan liar di Malaysia.

4.2 ANALISIS DATA

Melalui proses pengumpulan data yang telah dilakukan pengkaji, sebanyak 60 responden telah menjawab borang soal selidik pada fasa pertama pembangunan produk. Didalam analisis tersebut terdapat peratusan yang telah di nyatakan oleh pengkaji berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh responden dalam data tersebut bagi membantu kajian ini dijalankan.

4.2.1 Analisis Dapatan Kajian

Jadual menunjukkan demografi dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan borang yang dijawabkan oleh responden. Dapatan kajian ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu demografi responden, pendapat umum responden berkenaan pemahaman kepupusan hidupan liar dan kaji selidik responden terhadap kajian yang dilakukan.

Jadual 4.1: Demografi responden

Demografi Responden		Kekerapan n=100	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	24	40
	Perempuan	36	60
Umur	< 20 tahun	4	6.67
	21 – 30 tahun	41	68.33
	31 – 40 tahun	8	13.33
	> 41 tahun	7	11.67
Pekerjaan	Awam	7	11.67
	Swasta	18	30.00
	Bekerja Sendiri	4	6.67
	Tidak Bekerja	8	13.33
	Pelajar	23	68.33
Penempatan	Luar Bandar	29	48.33
	Bandar	31	51.67

Berdasarkan dapatan analisis responden, seramai 45 orang responden terdiri daripada golongan umur 30 tahun ke bawah dengan peratusan 75%. Borang kaji selidik ini juga dijawab secara majoriti oleh pelajar dan pekerja swasta dengan peratusan 98.33%. dalam data analisis ini menunjukkan responden terdiri daripada 29 orang responden dari penempatan luar bandar(48.33%) dan manakala 31 orang responden dari bandar(51.67%).

Jadual 4.2: Pendapat umum mengenai pemahaman kepupusan hidupan liar

Pendapat umum mengenai pemahaman kepupusan hidupan liar		Kekerapan n=100	Peratusan (%)
Apakah anda mengetahui mengenai apa itu kepupusan bagi hidupan liar?	Ya	58	96.67
	Tidak	1	1.67
	Tidak Pasti	1	1.67
Adakah anda sedar mengenai kepupusan hidupan liar di Malaysia?	Ya	54	90.00
	Tidak	4	6.67
	Tidak Pasti	2	3.33
Adakah anda pernah melihat kempen/ poster/ buku mengenai kesedaran kepupusan hidupan liar?	Ya	43	71.67
	Tidak	12	20.00
	Tidak Pasti	5	8.33
Adakah anda bersetuju bahawa generasi muda, terutamanya kanak-kanak masih lagi tidak mengetahui apakah itu kepupusan haiwan?	Ya	48	80.00
	Tidak	8	13.33
	Tidak Pasti	4	6.67
Sebagai orang dewasa, adakah anda bersetuju jika kita juga memainkan peranan sebagai menyampaikan info dan maklumat mengenai apakah itu kepupusan haiwan liar kepada kanak-kanak sebagai tujuan pendidikan?	Ya	58	96.67
	Tidak	2	3.33
	Tidak Pasti	0	0.00
Pada pendapat anda, adakah dengan penghasilan buku ilustrasi mengenai haiwan liar yang sedang/ sudah mengalami kepupusan dapat membantu dalam memberikan informasi kepada kanak-kanak?	Ya	56	93.33
	Tidak	2	3.33
	Tidak Pasti	2	3.33

Secara keseluruhan responden memberikan jawapan bersetuju secara majoriti 93.33% seramai 56 orang responden untuk penghasilan buku ilustrasi mengenai haiwan liar yang sedang/ sudah mengalami kepupusan dapat membantu dalam memberikan


informasi kepada kanak-kanak. Seramai 4 orang yang tidak bersetuju dan tidak pasti minoriti 6.66% atas faktor berkemungkinan mempunyai platform yang lebih sesuai.

Bahagian C: menghasilkan rekabentuk buku mengenai hidupan liar.

1. Pada pendapat anda, apakah ilustrasi yang sesuai untuk kanak-kanak bagi penghasilan buku ilustrasi?

Kenyataan	1		2		3	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
Pada pendapat anda, apakah ilustrasi yang sesuai untuk kanak-kanak bagi penghasilan buku ilustrasi?	0	0.00	15	25.00	45	75.00

Jadual 4.3: Pada pendapat anda, apakah ilustrasi yang sesuai untuk kanak-kanak bagi penghasilan buku ilustrasi?



Carta 4.3: Pada pendapat anda, apakah ilustrasi yang sesuai untuk kanak-kanak bagi penghasilan buku ilustrasi?


Jadual 4.3 dan Carta 4.3 menunjukkan soalan pertama mengenai pendapat ilustrasi yang sesuai untuk kanak-kanak bagi penghasilan buku ilustrasi yang dikemukakan oleh pengkaji. Seramai 45 orang reseponden yang memilih pilihan ke ‘2’ bagi soalan ini yang bersamaan dengan 75%. Selain itu, pengkaji juga mendapati 2 orang responden yang memilih pilihan ke

'3' bagi soalan ini yang bersamaan dengan 25%. Rata-rata responden bersetuju bahawa pilihan ilustrasi ke '2' yang sesuai untuk kanak-kanak bagi penghasilan buku ilustrasi.

1. Pada pendapat anda, warna yang bagaimanakah lebih menarik untuk dijadikan kulit buku?

Kenyataan	1		2		3	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
Pada pendapat anda, warna yang bagaimanakah lebih menarik untuk dijadikan kulit buku?	14	23.33	2	3.33	44	73.33

Jadual 4.4: Pada pendapat anda, warna yang bagaimanakah lebih menarik untuk dijadikan kulit buku?



Carta 4.4: Pada pendapat anda, warna yang bagaimanakah lebih menarik untuk dijadikan kulit buku?


Jadual 4.4 dan Carta 4.4 menunjukkan soalan kedua mengenai pendapat warna yang bagaimanakah lebih menarik untuk dijadikan kulit buku yang dikemukakan oleh pengkaji. Seramai 44 orang reponden yang memilih pilihan ke '3' bagi soalan ini yang bersamaan dengan 73.33%. Selain itu, pengkaji juga mendapati 14 orang responden yang memilih pilihan ke '1' bagi soalan ini yang bersamaan dengan 23.33% dan manakala terdapat 2 orang responden

yang memilih pilihan '2' bersamaan dengan 3.33%. Rata-rata responden bersetuju bahawa pilihan warna ke '3' yang lebih menarik untuk dijadikan kulit buku.

2. Jenis tulisan manakah yang sesuai untuk kanak-kanak membaca dan memahami?

Kenyataan	SugarPunch demo		Lockdown		Badaboom BB	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
Jenis tulisan manakah yang sesuai untuk kanak-kanak membaca dan memahami?	46	76.67	11	18.33	3	5.00

Jadual 4.5: Jenis tulisan manakah yang sesuai untuk kanak-kanak membaca dan memahami?



Carta 4.5: Jenis tulisan manakah yang sesuai untuk kanak-kanak membaca dan memahami?


Jadual 4.5 dan Carta 4.5 menunjukkan soalan ketiga mengenai jenis tulisan yang mana sesuai untuk kanak-kanak membaca dan memahami yang dikemukakan oleh pengkaji. Seramai 46 orang reseponden yang memilih tulisan 'Sugarpunch demo' untuk kanak-kanak membaca dan memahami yang bersamaan dengan 76.67%. Selain itu, pengkaji juga mendapati 11 orang responden yang memilih tulisan 'Lockdown' untuk kanak-kanak membaca dan memahami yang bersamaan dengan 18.33% dan manakala terdapat 3 orang responden yang memilih

tulisan ‘Badaboom BB’ bersamaan dengan 5%. Rata-rata responden memilih pilihan tulisan ‘Sugarpunch Demo’ yang sesuai untuk kanak-kanak membaca dan memahami.

3. Adakah dengan penggunaan ilustrasi bergambar seperti di bawah dapat menarik minat kanak-kanak?

Kenyataan	Ya		Tidak	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
Adakah dengan penggunaan ilustrasi bergambar seperti di bawah dapat menarik minat kanak-kanak?	58	96.67	2	3.33

Jadual 4.6: Adakah dengan penggunaan ilustrasi bergambar seperti di bawah dapat menarik minat kanak-kanak?




Carta 4.6: Adakah dengan penggunaan ilustrasi bergambar seperti di bawah dapat menarik minat kanak-kanak?

Jadual 4.6 dan Carta 4.6 menunjukkan soalan keempat mengenai penggunaan ilustrasi bergambar seperti di bawah dapat menarik minat kanak-kanak yang dikemukakan oleh pengkaji. Seramai 58 orang reponden yang menjawab ‘Ya’ bagi soalan ini yang bersamaan dengan 96.67%. Selain itu, pengkaji juga mendapati 2 orang responden yang menjawab ‘Tidak’ bagi soalan ini yang bersamaan dengan 3.33%. Rata-rata responden bersetuju bahawa penggunaan ilustrasi bergambar seperti di nyatakan dapat menarik minat kanak-kanak.

4. Pada pendapat anda, adakah melalui penghasilan buku ilustrasi mengenai kepupusan haiwan mampu untuk memberikan sedikit sebanyak kesedaran dan info, terutamanya dalam mendidik generasi muda?

Kenyataan	Ya		Tidak	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
Pada pendapat anda, adakah melalui penghasilan buku ilustrasi mengenai kepupusan haiwan mampu untuk memberikan sedikit sebanyak kesedaran dan info, terutamanya dalam mendidik generasi muda?	58	96.67	2	3.33

Jadual 4.7: Pada pendapat anda, adakah melalui penghasilan buku ilustrasi mengenai kepupusan haiwan mampu untuk memberikan sedikit sebanyak kesedaran dan info, terutamanya dalam mendidik generasi muda?



Carta 4.7: Pada pendapat anda, adakah melalui penghasilan buku ilustrasi mengenai kepupusan haiwan mampu untuk memberikan sedikit sebanyak kesedaran dan info, terutamanya dalam mendidik generasi muda?

Jadual 4.7 dan Carta 4.7 menunjukkan soalan kelima mengenai penghasilan buku ilustrasi mengenai kepupusan haiwan mampu untuk memberikan sedikit sebanyak kesedaran dan info,

terutamanya dalam mendidik generasi muda yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Seramai 58 orang reseponden yang menjawab 'Ya' bagi soalan ini yang bersamaan dengan 96.67%. Selain itu, pengkaji juga mendapati 2 orang responden yang menjawab 'Tidak' bagi soalan ini yang bersamaan dengan 3.33%. Rata-rata responden bersetuju penghasilan buku ilustrasi mengenai kepupusan haiwan mampu untuk memberikan sedikit sebanyak kesedaran dan info, terutamanya dalam mendidik generasi muda

4.3 ANALISIS DATA KESELURUHAN

Melalui dapatan kajian berdasarkan borang soal selidik yang pengkaji lakukan, penghasilan buku berbentuk ilustrasi adalah sangat diperlukan untuk menambah baik bahan bacaan dan rujukan bagi kanak-kanak untuk memberi kesedaran mengenai kepupusan hidupan liar di Malaysia. Berdasarkan responden yang menjawab sebanyak 96.67% bersetuju penghasilan buku berbentuk ilustrasi ini lebih mudah difahami dan lebih menarik untuk dibaca berbanding tulisan semata-mata. Tujuan penghasilan buku ilustrasi dilakukan adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kanak-kanak mengenai kepupusan hidupan liar di Malaysia.

4.4 PEMBANGUNAN PRODUK

Pembangunan produk akan tertumpu kepada proses pembangunan dan perkembangan yang dijalankan terhadap penghasilan rekabentuk buku ilustrasi bagi kempen kesedaran kepupusan hidupan liar di Malaysia. Pengkaji akan menerangkan proses-proses yang dijalankan sepanjang pembangunan buku ilustrasi tersebut. Pengkaji mengutamakan tentang ilustrasi dan info yang ingin disampaikan pada buku ilustrasi ini. Pada awalnya, pengkaji telah menjalankan soal selidik terhadap responden dengan menyediakan beberapa soalan tentang kajian. Soal selidik yang dijalankan adalah

bertujuan untuk mendapatkan sokongan serta pendapat mengenai kekurangan dan kelemahan yang wujud dalam penghasilan buku ilustrasi serta penambahbaikan pada buku tersebut. Hasil daripada soal selidik akan digunakan bagi menghasilkan buku ilustrasi yang lebih menarik serta mampu menarik minat pembaca terutamanya kanak-kanak.

4.4.1 Konsep Rekabentuk Produk


i. Buku ilustrasi

Penggunaan konsep ini dipilih kerana ianya mampu menarik minat pembaca untuk membaca serta membantu pembaca untuk lebih mudah memahami untuk mengenali setiap haiwan liar di Malaysia.

ii. Lakaran awal


Pada bahagian ini, pengkaji telah menggunakan teknik ilustrasi sebagai lakaran awal untuk menjana idea bagi projek pembangunan akhir. Teknik ilustrasi digunakan bagi memudahkan proses lakaran idea awal berjalan lancar supaya lakaran idea awal dapat dibaca dengan jelas sebelum pengkaji memulakan pembangunan produk akhir.

a) Proses lakaran ilustrasi haiwan.




Rajah 4.4: Gambar rangka bagi haiwan liar dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.

b) Proses mewarna ilustrasi



Rajah 4.5: Mewarna ilustrasi haiwan liar dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.


c) Proses membuat latar belakang setiap halaman buku.



Rajah 4.6: Gambar rangka bagi latar belakang halaman buku.


MALAYSIA
KELANTAN

d) Proses mewarna latar belakang setiap halaman buku.



Rajah 4.7: Mewarna latar belakang halaman buku

e) Proses bagi mereka setiap soalan di beberapa haiwan



Rajah 4.8: merekabentuk soalan mengenai haiwan liar

f) Proses membuat muka hadapan dan belakang buku.



Rajah 4.9: merekabentuk muka hadapan dan belakang buku

4.4.2 Proses suntingan/ lakaran sebenar produk


Lakaran awal adalah kaedah untuk pengkaji mendapatkan idea untuk membina produk akhir. Produk akhir akan bergantung kepada pengisian yang telah dibina bersesuaian dengan tajuk bagi menjawab persoalan dan memenuhi objektif kajian. Berikut merupakan pembinaan pengisian buku yang telah dilakukan mengikut lakaran awal. Berikut merupakan hasil suntingan sebelum produk akhir dihasilkan.

a) Muka hadapan dan belakang buku.




Rajah 4.10: Muka hadapan dan belakang buku

b) Halaman pertama



Rajah 4.11: Halaman pertama buku

c) Halaman kedua



Rajah 4.12: Halaman kedua buku

d) Halaman ketiga



Rajah 4.13: Halaman ketiga buku

e) Halaman keempat



Rajah 4.14: Halaman keempat buku

f) Halaman kelima



Rajah 4.15: Halaman kelima buku

MALAYSIA
KELANTAN

g) Halaman keenam




Rajah 4.16: Halaman keenam buku

h) Halaman ketujuh




Rajah 4.17: Halaman ketujuh buku

i) Halaman kelapan



Rajah 4.18: Halaman kelapan buku

j) Halaman kesembilan




Rajah 4.19: Halaman kesembilan buku

k) Halaman kesepuluh



Rajah 4.20: Halaman kesepuluh buku

l) Halaman kesebelas



Rajah 4.21: Halaman kesebelas buku

4.5 PRODUK AKHIR

Untuk produk akhir ini pengkaji telah menjadikan beberapa produk sedia ada sebagai bahan rujukan tambahan. Proses ini bertujuan menjana idea yang lebih kreatif dan bersesuaian dengan konsep dan tema yang pengkaji bawakan.

a) Pemilihan warna tema

Dalam proses penghasilan produk akhir ini pengkaji telah memilih warna pastel sebagai tema utama kerana ianya memiliki peranan penting dalam menarik minat penonton dan bersesuaian dalam teknik penceritaan dalam buku haiwan liar ini. Warna pastel mampu memberikan ketenangan, perasaan ceria dan mempengaruhi pembaca terutamanya kanak-kanak.

b) Rujukan visual

Untuk menghasilkan produk akhir yang terbaik dan mengikuti objektif kajian, pengkaji telah menjadikan beberapa produk sedia ada sebagai rujukan utama untuk menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan menjawab persoalan kajian.

c) Soalan yang dikemukakan

Dalam menghasilkan latihan di setiap haiwan liar, pengkaji telah merujuk beberapa latihan yang sesuai di buku sedia ada sebagai rujukan. Secara tidak langsung, adanya latihan ini dapat meningkatkan pemahaman pembaca terutamanya kanak-kanak.

4.6 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan analisa kajian yang dilakukan, dapat dilihat bahawa secara keseluruhan responden bersetuju bahawa penghasilan sebuah buku ilustrasi mengenai kepupusan hidupan liar di Malaysia mampu memberikan kesedaran kepada kanak-kanak. Tidak dinafikan terdapat juga responden yang kurang bersetuju namun jumlahnya hanya minoriti yang sangat sedikit.

Penghasilan buku berbentuk ilustrasi ini lebih kepada info dan maklumat mengenai kepupusan hidupan liar untuk memberi kefahaman kepada kanak-kanak dalam bentuk yang lebih santai. Hampir keseluruhan responden bersetuju bahawa penghasilan buku ilustrasi ini mampu memberi kesan dan dapat menyampaikan maklumat dengan baik. Pengkaji juga yakin sekiranya penambahbaikan dilakukan dari segi grafik ianya mampu mencapai tahap yang lebih baik. Secara tidak langsung, ini mampu memberi kesedaran kepada kanak-kanak mengenai kepupusan hidupan liar melalui buku ilustrasi.

Oleh itu, secara keseluruhan menunjukkan responden bersetuju dari segi ilustrasi dan juga kaedah penyampaian maklumat di dalam produk akhir ini. Pengkaji tidak mengatakan produk akhir ini sudah berjaya namun ianya lebih tepat dikatakan sebagai permulaan yang baik.



BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 CADANGAN PENYELIDIKAN

Sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan pengkaji mendapati bahawa konsep dan buku ilustrasi adalah medium yang sangat berkesan dalam menyampaikan maklumat kepada kanak-kanak. Malah dapat dilihat kini bahawa penggunaan infografik dan ilustrasi semakin banyak digunakan dalam media pengiklanan produk. Oleh itu kajian ini telah berjaya mencapai objektif kajian iaitu untuk mengkaji teknik terbaik dalam memberikan maklumat kepada masyarakat secara santai dan mampu menarik minat mereka. Penghasilan buku berbentuk ilustrasi menjadikan kaedah penyampaian maklumat lebih mudah dan menarik kepada kanak-kanak mengenai kesedaran kepupusan hidupan liar di Malaysia.

Melalui kaedah soal selidik yang dijalankan, pengkaji mendapati responden bersetuju dengan penghasilan buku ilustrasi ini dan bersetuju bahawa ianya lebih berkesan dan mampu menarik minat golongan masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak. Tidak menjadi kesalahan jika kita mengambil peluang sedemikian untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepupusan hidupan liar.

Konsep dan tema yang pengkaji telah cadangkan adalah merupakan pembaharuan semula buku jenis ilustrasi. Meskipun buku jenis ilustrasi telah ada tapi pengkaji ingin menambah baik buku ilustrasi untuk lebih difahami oleh pembaca terutamanya kanak-kanak.

5.2 KESIMPULAN

Buku ilustrasi adalah medium yang terbaik pada abad ini dalam menyampaikan maklumat. Keberkesanannya tidak dapat dinafikan lagi kerana penggunaan ilustrasi yang banyak dan kurangnya penggunaan tipografi membantu menarik minat pembaca untuk melihatnya. Konsep ilustrasi didalam ini juga memberikan peranan penting kepada pembaca kerana ianya mampu menjadikan maklumat tersebut mudah difahami ataupun sebaliknya.

Antara faktor yang membantu keberkesanan infografik adalah ilustrasi, tipografi, warna, susun atur cerita, dan ikon yang digunakan. Kebanyakannya infografik di Malaysia masih menggunakan tipografi yang banyak dan hanya menjadikan ikon sebagai hiasan pada infografik tersebut. Hal ini kerana penggunaan ini masih baru lagi dan jika penggunaan ikon secara menyeluruh akan menyusahkan golongan veteran kerana umum mengetahui mereka bukanlah pengguna tegar media social apatah lagi ingin memahami maksud setiap penggunaan icon tersebut.

Akhir sekali, dapat disimpulkan bahawa kajian ini adalah penyelidikan yang dilakukan untuk membawa penambahbaikan yang sedia ada kepada masyarakat dengan kaedah menyampaikan kesedaran mengenai kepupusan hidupan liar di Malaysia dalam bentuk yang berbeza dan lebih santai.

BIBLIOGRAFI/ RUJUKAN

Rujukan Buku

Sulzby, E., & Teale, W. (1991). Emergent literacy. In R. Barr, M. L. Kamil, P. B. Mosenthal, & P. D. Pearson (Eds.), *Handbook of reading research*, 2, 727- 757. New York: Longman.

Sumiani Yusoff. 2003. The need for emphasis on environmental education for national development in Malaysia. *Masalah Pendidikan* 26:75-82.

Ponniah AJ. 1996. Environmental pollution: Knowledge and attitude of Malaysian Secondary School Students. Kuala Lumpur: University Malaya

Rujukan Artikel Dan Jurnal Online

Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Intan Zahariah Gaisun, (2014) Ekspresi emosi melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. *Jurnal Melayu*, 13, 72-84.

Molina S. Nijhar. 1981. "Apakah sastera kanak-kanak: Khasnya buku bergambar". Bengkel Buku Bergambar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 14 Disember.

Noor Azmi Osman. 2003. Knowledge level of the teachers regarding the surrounding environmental issues at one of the School in Perak State (Master of Education Project Paper). Faculty of Education, University of Malaya.

Rujukan Website Online

Kim Rutledge, Tara Ramroop, Diane Boudreau, Melissa McDaniel, Santani Teng, Erin Sprout, Hilary Costa, Hilary Hall, Jeff Hunt (2011) National Geographic. Link <https://www.nationalgeographic.org/encyclopedia/endangered-species/>

Kamus Dewan Edisi keempat (2005) Maksud Ilustrasi. Link <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=ilustrasi&d=175768&>

Bername (2018) Kerajaan Pelawa Kerjasama Pemuliharaan Hidupan Liar. Link <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-pelawa-kerjasama-pemuliharaan-hidupan-liar-183436>

Berita Harian (2019). Kepupusan Hidupan Liar Ancam Manusia. Link <file:///C:/Users/User/Desktop/PP1/Kepupusan%20hidupan%20liar%20ancam%20manusia.pdf>

Teks Perutusan Ketua Pengarah Perhilitan Sempena Hari Hidupan Liar Sedunia 2017 (World Wildlife Day 2017). Link [file:///C:/Users/User/Desktop/PP1/TEKS PERUTUSAN KP PERHILITAN Sempena World Wildlife Day 2017.pdf](file:///C:/Users/User/Desktop/PP1/TEKS_PERUTUSAN_KP_PERHILITAN_Sempena_World_Wildlife_Day_2017.pdf)

Sinar Harian (2019) Isu Kepupusan Harimau Malaya Semakin Serius. Link <file:///C:/Users/User/Desktop/PP1/kempen%202.pdf>

KEMPEN KESEDARAN KEPADA KANAKKANAK MELALUI BUKU ILUSTRASI: KEPUPUSAN HIDUPAN LIAR

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saya Nur Iffah Hanani Binti Khalid, pelajar tahun 4 dari Universiti Malaysia Kelantan, sedang menjalankan kajian mengenai kempen kesedaran kepada kanak-kanak melalui buku ilustrasi: kepupusan hidupan liar di Malaysia. Harap Tuan/ Puan dapat menjawab soal selidik ini. Terima Kasih atas kerjasama anda.

* Required

BAHAGIAN A: DEMOGRAFI RESPONDEN

1. Jantina *

Mark only one oval.

- Lelaki
 Perempuan

2. Umur *

Mark only one oval.

- <20 tahun
 21 - 30 tahun
 31 - 40 tahun
 41 tahun ke atas

3. Pekerjaan *

Mark only one oval.

- Awam
 Swasta
 Bekerja Sendiri
 Tidak Bekerja
 Pelajar


8. 4. Adakah anda bersetuju bahawa generasi muda, terutamanya kanak-kanak masih lagi tidak mengetahui apakah itu kepupusan haiwan? * *Mark only one oval.*
- Ya
- Tidak
- Tidak Pasti
9. 5. Sebagai orang dewasa, adakah anda bersetuju jika kita juga memainkan peranan sebagai menyampaikan info dan maklumat mengenai apakah itu kepupusan haiwan liar kepada kanak-kanak sebagai tujuan pendidikan? * *Mark only one oval.*
- Ya
- Tidak
- Tidak Pasti
10. 6. Pada pendapat anda, adakah dengan penghasilan buku ilustrasi mengenai haiwan liar yang sedang/ sudah mengalami kepupusan dapat membantu dalam memberikan informasi kepada kanak-kanak? * *Mark only one oval.*
- Ya
- Tidak
- Tidak Pasti

BAHAGIAN C MENGHASILKAN REKABENTUK BUKU
MENGENAI HIDUPAN
LIAR.


Pilih satu jawapan dan tandakan (✓)
dalam ruangan yang disediakan.

11. 1. Pada pendapat anda, apakah ilustrasi yang sesuai untuk kanak-kanak bagi penghasilan buku ilustrasi? *

Mark only one oval.



1




2



3

12. 2. Pada pendapat anda, warna yang bagaimanakah lebih menarik untuk dijadikan kulit buku? *

Mark only one oval.



1



2



3

UNIVERSITI

MALAYSIA

KEJANTAN

13. 3. Jenis tulisan manakah yang sesuai untuk kanak-kanak membaca dan memahami? *

Mark only one oval.

MARI MENGENALI HAIWAN LIAR DI MALAYSIA	MARI MENGENALI HAIWAN LIAR DI MALAYSIA
<input type="radio"/> SugarPunch Demo	<input type="radio"/> Lockdown
MARI MENGENALI HAIWAN LIAR DI MALAYSIA	
<input type="radio"/> Badaboom BB	

14. 4. Adakah dengan penggunaan ilustrasi bergambar seperti di bawah dapat menarik minat kanak-kanak? *



Mark only one oval.

- Ya
 Tidak

15. 5. Pada pendapat anda, adakah melalui penghasilan buku ilustrasi mengenai kepupusan haiwan mampu untuk memberikan sedikit sebanyak kesedaran dan info, terutamanya dalam mendidik generasi muda? * Mark only one oval.

- Ya
 Tidak

This content is neither created nor endorsed by Google.

Google Forms

LAMPIRAN B

Minggu/ Tugas	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Cadangan penyelidikan														
Perbincangan untuk pemilihan tajuk														
Mengenalpasti kajian kes														
Melakukan penyelidikan berkaitan dengan tajuk														
Penulisan Thesis														
Bab 1 Pengenalan pernyataan masalah														
Pengesahan objektif														
Ulasan keseluruhan bab 1														
Bab 2 Penyelidikan visual														
Kajian literatur														
Ulasan keseluruhan bab 2														
Bab 3 Metodologi														
Ulasan keseluruhan bab 3														

Rajah B.1: Carta Gantt 1

Minggu/ Tugas	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28
Analisis data														
Bab 4 Menghasilkan borang soal selidik														
Menganalisis data														
Ulasan keseluruhan														
Pembangunan rekabentuk														
Lakaran ilustrasi haiwan liar														
Mewarna ilustrasi haiwan liar dan menghasilkan latar belakang														
Menghasilkan latihan bagi haiwan liar														
Penulisan Thesis														
Bab 5 Cadangan														
Kesimpulan														
Pra Hantar														
Pembetulan Thesis														
Penghantaran Thesis														


Rajah B.2: Carta Gantt 2




LAMPIRAN C




Rajah C.1: Hasil Soal Selidik m/s 1



Rajah C.2: Hasil Soal Selidik m/s 2



Rajah C.3: Hasil Soal Selidik m/s 3



Rajah C.4: Hasil Soal Selidik m/s 4


5. Sebagai orang dewasa, adakah anda bersetuju jika kita juga memainkan peranan sebagai menyampaikan info dan maklumat mengenai apakah itu kepupusan haiwan liar kepada kanak-kanak sebagai tujuan pendidikan?

60 responses




6. Pada pendapat anda, adakah dengan penghasilan buku ilustrasi mengenai haiwan liar yang sedang/ sudah mengalami kepupusan dapat membantu dalam memberikan informasi kepada kanak-kanak?


60 responses



Rajah C.5: Hasil Soal Selidik m/s 5



Rajah C.6: Hasil Soal Selidik m/s 6



Rajah C.7: Hasil Soal Selidik m/s 7



Rajah C.8: Hasil Soal Selidik m/s 8